

Ketetapan Umum No.2/2001

PENGIRAAN ELAUN PERMULAAN & ELAUN TAHUNAN BAGI LOJI & JENTERA

1.0 UNDANG-UNDANG CUKAI

Ketetapan ini digunapakai berhubung dengan pengiraan elaun modal bagi loji dan jentera menurut perenggan 15, Jadual 3, **Akta Cukai Pendapatan 1967** dan **Kaedah -kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Tahunan Loji Yang Layak) 2000** [P.U.(A) 52/2000] . Ia berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 2000 (berasaskan tahun semasa) dan tahun taksiran seterusnya.

2.0 PEMAKAIAN KETETAPAN INI

Ketetapan ini mempertimbangkan:

- 2.1 Implikasi dari klasifikasi semula loji dan jentera kepada 3 kategori utama sepertimana yang diperuntukkan dalam **Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Tahunan Loji Yang Layak) 2000** [selepas ini disebutkan sebagai *Kaedah baru*] mulai dari tahun taksiran 2000 (berasaskan tahun semasa) [selepas ini disebutkan sebagai *T/T 2000 (TS)*]; dan
- 2.2 Pengiraan elaun permulaan [*EP*] dan elaun tahunan [*ET*] bagi aset baru dan ET bagi aset sedia ada bagi T/T 2000 (TS) dan tahun taksiran seterusnya.

3.0 BAGAIMANA UNDANG-UNDANG CUKAI DIGUNAPAKAI

3.1 Klasifikasi aset

3.1.13 kategori utama

Menurut Kaedah baru, aset yang layak bagi ET di bawah perenggan 15, Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan [selepas ini disebutkan sebagai *Akta*] adalah dikelaskan kepada 3 kategori utama mulai dari T/T 2000 (TS). Kategori utama dan kadar ET yang ditetapkan adalah seperti berikut:

<u>Aset</u>	<u>Kadar</u>
Jentera berat, kenderaan bermotor	20 %
Loji dan jentera	14 %
Lain-lain	10 %

- Bagi tahun taksiran [T/T] di mana perbelanjaan loji yang layak [PL] atas aset dilakukan, EP pada kadar 20% dari PL adalah dibenarkan di samping ET (kecuali di mana kadar EP yang lain adalah ditetapkan: *sila rujuk perenggan 3.1.3*).

3.1.2 *Aset baru*

Kadar yang ditetapkan di perenggan 3.1.1 di atas [selepas ini disebutkan sebagai *kadar baru*] hendaklah digunapakai bagi sebarang aset [*selain dari aset yang perlu dikendalikan menurut perenggan 3.1.3 di bawah ini*] yang diperolehi dalam tempoh asas bagi T/T 2000 (TS) dan T/T seterusnya [selepas ini disebutkan sebagai *aset baru*], tanpa mengambilkira jenis industri / perniagaan di mana aset itu digunakan.

3.1.3 *Di mana Kaedah-kaedah khas atau kadar khas perlu digunapakai bagi aset tertentu*

Bagi sesuatu aset baru yang perlu dikendalikan menurut mana-mana Kaedah-kaedah berikut [selepas ini disebutkan sebagai *Kaedah-kaedah khas*] atau bagi sesuatu aset sedia ada yang sudah dikendalikan sedemikian pada T/T dahulu, orang yang menuntut elaun modal hendaklah pastikan bahawa aset itu dikendalikan (atau terus dikendalikan) menurut Kaedah-kaedah khas berkenaan dan digunapakai kadar EP dan / atau ET sepertimana yang ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah khas itu [selepas ini disebutkan sebagai *kadar khas*] dan bukannya kadar baru yang tersebut di perenggan 3.1.1 di atas:

A. Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Loji Yang Layak) (Buangan Terjadual) 1995 [*P.U.(A) 339/1995*];

B. Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Loji Yang Layak) 1997 [*P.U.(A) 265/1997*];

C. Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Loji Yang Layak) (No. 2) 1997 [*P.U.(A) 474/1997*];

D. Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Loji Yang Layak) (Komputer dan Kelengkapan Teknologi Maklumat) 1998 [*P.U.(A) 187/1998*];

E. Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Permulaan Loji Yang Layak) 1998 [*P.U.(A) 294/1998*];

F. Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Loji Yang Layak) (Kelengkapan Kawalan) 1998 [P.U.(A) 295/1998]; atau

G. Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Loji Yang Layak) (Kos Penyediaan Perisian Komputer) 1999 [P.U.(A) 272/1999].

3.1.4 ***Klasifikasi atau klasifikasi semula sesuatu aset***

Dalam usaha menentukan atau menentukan semula klasifikasi sesuatu aset, perihal berikut patut dipertimbangkan:

A. Secara am, kategori "kenderaan bermotor" termasuk semua jenis kenderaan yang beroperasi dengan motor. [*Contoh*: motosikal; kapal terbang; kapal; basikal bermotor, dan sebagainya]

B. Secara am, kategori "jentera berat" ditentukan mengikut bagaimana aset digunakan. [*Contoh* : jentolak; kren; pemarit; jengkaut; jemparas; pengangkut; ripper; rola; pencabut akar; pencakar; penyodok; jentarik; vibrator; wagon; dan sebagainya- nya.] [*Perhatian*: sila rujuk perenggan 3.1.3.C di atas bagi jentera berat diimport yang digunakan dalam industri berikut: bangunan dan pembinaan, perladangan, perlombongan dan kayu kayan .]

C. Kategori "loji dan jentera" termasuk loji dan jentera am yang tidak dimasukkan dalam kategori "jentera berat, kenderaan bermotor". [*Contoh* : penyaman udara; pemampat; lif; peralatan perubatan dan makmal; ketuhar; dan sebagainya.]

D. Kategori "lain-lain" merujuk kepada peralatan pejabat dan perabot & lengkapan.

3.1.5 ***Dasar penggantian bagi aset yang mempunyai jangka hayat tidak melebihi 2 tahun***

Perbelanjaan dilakukan atas aset yang mempunyai jangka hayat tidak melebihi 2 tahun (alat, perkakas dan barangan seumpamanya) hendaklah dikendalikan atas dasar penggantian. Ini bermakna EP dan ET tidak dibenarkan, kerana kos aset tersebut tidak disifatkan sebagai PL. Akan tetapi, kos penggantian aset itu adalah dibenarkan sebagai perbelanjaan yang boleh diberi potongan menurut seksyen 33(1)(c) Akta dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan. Amaun diperolehi dari pelupusan aset yang digantikan hendaklah diambilkira sebagai pendapatan kasar perniagaan. [*Contoh* : bantal, tilam, selimut & kain alas; pinggan mangkuk & barang-barang kaca; pisau, garpu & sudu dan periuk & perkakas masakan (selain dari yang diperbuat dari perak atau besi

waja tahan karat); alat dan perkakas am; barang aksesori.] [*Sila rujuk kepada Contoh 1 di perenggan 3.3.1 di bawah ini .*]

3.2 Tuntutan bagi elaun permulaan dan elaun tahunan

3.2.1 *Tuntutan bertulis dibuat dalam penyata*

A. Tuntutan bagi EP dan ET hendaklah dibuat secara bertulis dalam penyata bagi T/T berkenaan dan butirannya ditunjuk dalam pengiraan cukai dengan kenyataan yang disahkan

B. Kecuali dalam kes di mana terdapat salah faham atau kesilapan, keputusan yang diambil untuk menggunakan mana-mana pendekatan alternatif yang ditetapkan di perenggan 3.3.2.B di bawah ini patut dikekalkan dan tidak dipertimbangkan semula atau diulangkaji lagi selepas pengiraan telah dilaksanakan.

3.2.2 *Syarat yang perlu dipenuhi*

Untuk layak mendapat EP dan / atau ET bagi sesuatu aset dalam sesuatu T/T, orang yang menuntutnya hendaklah memenuhi semua syarat berikut:

A. beliau menjalankan perniagaan dalam tempoh asas;

B. berkaitan dengan aset itu, beliau telah melakukan PL dalam tempoh asas itu (untuk berkelayakan EP), atau telah melakukan PL dalam tempoh asas itu dan / atau tempoh asas sebelum itu (untuk berkelayakan ET);

C. aset itu telah digunakan untuk tujuan perniagaan itu; dan

D. pada akhir tempoh asas itu, beliau adalah pemilik aset itu dan aset itu masih digunakan.

- [*Syarat tersebut dan pertimbangan lain berkaitan dengan pemilikan aset adalah dibincang secara terperinci dalam Ketetapan Umum No. 1/2001 .*]

3.3 Pengiraan elaun modal bagi T/T 2000 (TS) & T/T seterusnya

3.3.1 *Aset baru*

Amaun ET adalah suatu peratusan PL yang dilakukan atas aset itu, dikira menurut kadar yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah baru.

Contoh 1

Sebuah syarikat (yang telah berniaga beberapa tahun) memperoleh sebuah peti sejuk untuk RM5,000 pada 12.04.2000 dan menggunakannya untuk tujuan perniagaan restorannya. Pada 15.07.2000, 200 keping pinggan makan berharga RM2,000 dibeli untuk menggantikan pinggan terserpih, pecah atau luntur (yang mana dilupuskan untuk RM200). Dalam akaun perniagaan yang disediakan bagi tahun kewangan berakhir 30.09.2000, aset tersebut ditunjuk dalam kunci kira-kira.

Bagi T/T 2000 (TS), EP dan ET boleh dituntut seperti berikut :

<i>Aset</i>	<i>PL</i>	<i>EP [20%]</i>	<i>ET</i>	<i>Jumlah</i>
Peti sejuk	5,000	1,000	700 [14%]	1,700

[Elaun modal tidak boleh dituntut bagi pinggan makan kerana perbelanjaan sebanyak RM2,000 itu tidak disifatkan sebagai PL; namun demikian, ia boleh diberi potongan sebagai kos penggantian pinggan mangkuk bagi tujuan cukai pendapatan. Amaun sebanyak RM200 diterima dari pelupusan pinggan makan yang digantikan hendaklah diambilkira sebagai pendapatan kasar. Semua pelarasan tersebut hendaklah dibuat dalam pengiraan cukai.]

Contoh 2

Seorang peniaga melakukan perbelanjaan sebanyak RM4,000 pada 30.06.2000 atas pemasangan sistem telefon (termasuk mesin faksimili) dalam pejabat perniagaan pengedaran alat tulis. Pada bulan Julai 2000, beliau membeli sebuah van terpakai berharga RM25,000. Dalam akaun yang disediakan bagi tahun berakhir 31.12.2000, aset tersebut adalah ditunjuk dalam kunci kira-kira.

Bagi T/T 2000 (TS), EP dan ET boleh dituntut seperti berikut :

<i>Aset</i>	<i>PL</i>	<i>EP [20%]</i>	<i>ET</i>	<i>Jumlah</i>
Sistem telefon	4,000	800	400 [10%]	1,200
Van	25,000	5,000	5,000 [20%]	10,000

3.3.2 Aset sedia ada

A. Di mana Kaedah-kaedah khas / kadar khas telah dilaksanakan

Bagi aset yang diperolehi sebelum tempoh asas bagi T/T 2000 (TS) [iaitu, dalam tempoh asas bagi T/T 2000 (berasaskan tahun sebelum) dan T/T dahulu] di mana EP dan ET telah dibenarkan berdasarkan kadar khas menurut mana-mana Kaedah-kaedah khas yang tersebut di perenggan 3.1.3 di atas, Kaedah-kaedah baru dan kadar baru **tidak** boleh digunakan. Kaedah-kaedah khas dan kadar khas hendaklah terus digunakan bagi T/T 2000 (TS) dan T/T seterusnya sehingga semua baki dari PL [selepas ini disebutkan sebagai *BPL*] berhubung dengan setiap aset itu diserap sepenuhnya.

B. Di mana kaedah-kaedah lama / kadar lama telah dilaksanakan

Bagi aset yang diperolehi sebelum tempoh asas bagi T/T 2000 (TS) di mana EP dan ET telah dibenarkan berdasarkan kadar yang sedia ada, iaitu, kadar yang ditetapkan menurut **Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Tahunan Loji Yang Layak) 1968** [*L.N. 154/1968*] sepertimana yang dipinda oleh **Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Tahunan Loji Yang Layak) (Pindaan) 1980** [*P.U. (A) 346 /1980*] [selepas ini disebutkan sebagai *kadar lama* dan *Kaedah-kaedah lama*], salah satu dari 3 pendekatan alternatif seperti berikut boleh digunakan:

Alternatif 1: Kadar baru digunakan (semua aset sedia ada)

Kadar baru boleh digunakan bagi semua aset sedia ada bagi T/T 2000 (TS) dan T/T seterusnya sehingga segala BPL bagi setiap aset diserap sepenuhnya.

Contoh 1

Seorang individu mempunyai aset berikut:

Butiran	Van	Peralatan pejabat	Perabot
PL	75,000	22,000	10,000
Tahun dilakukan	1997	1996	1996
Kadar lama	20%	12%	8%
Kadar baru	20%	10%	10%

Elaun modal patut dikira seperti berikut:

>-	Van		Peralatan Pejabat		Perabot	
	>-		>-		>-	
PL	>-	75,000	>-	22,000	>-	10,000
<i>T/T 1997</i>	>-	>-	>-	>-	>-	>-
<i>EP</i>	-	>-	4,400	>-	2,000	>-
<i>ET</i>	-	>-	2,640	7,040	800	2,800
BPL	>-	-	>-	14,960	>-	7,200
<i>T/T 1998</i>	>-	>-	>-	>-	>-	>-
<i>EP</i>	15,000	>-	>-	>-	>-	>-
<i>ET</i>	15,000	30,000	>-	2,640	>-	800
BPL	>-	45,000	>-	12,320	>-	6,400
<i>T/T 1999</i>	>-	>-	>-	>-	>-	>-
<i>ET</i>	>-	15,000	>-	2,640	>-	800
BPL	>-	30,000	>-	9,680	>-	5,600
<i>T/T 2000 (berdasarkan tahun sebelum)</i>	>-	>-	>-	>-	>-	>-
<i>ET</i>	>-	15,000	>-	2,640	>-	800
BPL	>-	15,000	>-	7,040	>-	4,800
<i>T/T 2000 (TS)</i>	>-	>-	>-	>-	>-	>-
<i>ET [kadar baru]</i>	20%	15,000	10%	2,200	10%	1,000
BPL	>-	Tiada	>-	4,840	>-	3,800
<i>T/T 2001</i>	>-	>-	>-	>-	>-	>-
<i>ET</i>	-	-	>-	2,200	>-	1,000
BPL	>-	-	>-	2,640	>-	2,800

-

Contoh 2

Sebuah syarikat mempunyai aset berikut:

(TS)						
ET [kadar baru]	14%	25,200	14%	1,120	10%	1,000
BPL	>-	10,800	>-	1,440	>-	2,200
T/T 2001	>-	>-	>-	>-	>-	>-
ET	>-	*10,800	>-	1,120	>-	1,000
BPL	>-	Tiada	>-	320	>-	1,200

>- >* ET sebanyak 25,200 dihadkan kepada amaun BPL

Alternatif 2: Kadar lama digunakan (semua aset sedia ada)

Kadar lama boleh terus digunakan bagi semua aset sedia ada bagi T/T 2000 (TS) dan T/T seterusnya sehingga segala BPL berkaitan dengan setiap aset itu diserap sepenuhnya.

Contoh 3

Seandainya syarikat dalam *Contoh 2* (perenggan 3.3.2.B di atas) telah mengambil

keputusan untuk tidak menurut kadar baru tetapi sebaliknya terus menggunakan kadar lama

bagi semua aset sedia ada supaya mengelakkan sebarang kerumitan, elaun modal patut dikira seperti berikut:

[Pengiraan bagi T/T 1994 hingga 2000 (berasaskan tahun sebelum): seperti di *Contoh 2*]

>-		Jentera		Penyaman udara		Perabot
BPL	>-	36,000	>-	2,560	>-	3,200
T/T 2000 (TS)	>-	>-	>-	>-	>-	>-
ET [kadar lama]	10%	18,000	12%	960	8%	800

<i>BPL</i>	>-	18,000	>-	1,600	>-	2,400
<i>T/T 2001</i>	>-	>-	>-	>-	>-	>-
<i>ET</i>	>-	18,000	>-	960	>-	800
<i>BPL</i>	>-	Tiada	>-	640	>-	1,600

>- **Alternatif 3:** Kadar baru digunakan bagi sebahagian dari aset sedia ada dan kadar lama digunakan bagi aset yang lain

Bagi T/T 2000 (TS) dan T/T seterusnya, kadar lama masih boleh digunakan bagi sebahagian dari aset sedia ada (di mana kadar lama adalah lebih tinggi dari kadar baru) dan kadar baru digunakan bagi aset sedia ada yang lain (di mana kadar baru adalah lebih tinggi dari kadar lama).

Contoh 4

Seandainya individu dalam *Contoh 1* (perenggan 3.3.2.B di atas) telah mengambil keputusan menggunakan kadar baru bagi sebahagian dari asetnya dan kadar lama bagi aset yang lain supaya dapat menikmati kadar yang lebih tinggi pada kedua-duanya, elaun modal patut dikira seperti berikut:

[Pengiraan bagi T/T 1997 hingga 1999: seperti di *Contoh 1* di atas]

>-		<i>Motor van</i>		<i>Peralatan pejabat</i>		<i>Perabot</i>	
	<i>BPL</i>	>-	30,000	>-	9,680	>-	5,600
<i>T/T 2000 (berdasarkan tahun sebelum)</i>				>-	>-	>-	
	<i>ET</i>	>-	15,000	>-	2,640	>-	800
	<i>BPL</i>	>-	15,000	>-	7,040	>-	4,800
	<i>T/T 2000 (TS)</i>	>-	>-	>-		>-	
	<i>ET</i>	20% [lama]	15,000	12% [lama]	2,640	10% [baru]	1,000
	<i>BPL</i>	>-	Tiada	>-	4,400	>-	3,800
	<i>T/T 2001</i>	>-	>- >-	>-	>-	>-	>-

<i>ET</i>	>-	>-	>-	2,640	>- >- >-	1,000
<i>BPL</i>	>- >-	>-	>-	1,760	>-	2,800
<i>T/T</i> <i>2002</i>	>-	>-	>-	>-	>-	>-
<i>ET</i>	>- >-	>-	>-	*1,760	>-	1,000
<i>BPL</i>	>- >-	>-	>-	Tiada	>-	1,800

>- * *ET* sebanyak 2,640 terhad kepada amaun *BPL*

4.0 INTERPRETASI

Bagi tujuan Ketetapan ini:

- 4.1 "Aset" bermaksud loji atau jentera yang digunakan untuk tujuan perniagaan ke atas mana perbelanjaan yang layak telah dilakukan.
- 4.2 "Orang" atau "seseorang" termasuk syarikat, koperasi, perkongsian, kelab, persatuan, keluarga sekutu Hindu, pemegang amanah, pentadbir harta pusaka dan individu, tetapi tidak termasuk amanah saham yang hendaklah dikendalikan menurut seksyen 63A Akta.
- 4.3 "Perbelanjaan loji yang layak" bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan untuk mengadakan, membina atau membeli loji atau jentera yang digunakan bagi tujuan perniagaan [selain dari aset yang mempunyai jangka hayat yang tidak melebihi 2 tahun (*rujuk perenggan 3.1.4 di atas*)].
- 4.4 "Baki perbelanjaan yang layak" [BPL] berkaitan dengan sesuatu aset pada mana-mana tarikh adalah bermaksud baki perbelanjaan yang layak [PL] yang masih belum diserapkan, yang terdapat selepas jumlah amaun berikut ditolak dari PL yang dilakukan sebelum tarikh itu:
 - 4.4.1 sebarang EP yang dibenarkan bagi mana-mana T/T;
 - 4.4.2 sebarang ET yang dibenarkan bagi mana-mana T/T sebelum tarikh itu; dan
 - 4.4.3 sebarang elaun bayangan (iaitu, amaun ET yang sepatutnya dibenarkan seandainya tuntutan dibuat dalam kes di mana tiada tuntutan sebenarnya dibuat walaupun layak) yang telah dibenarkan atau patut dibenarkan sebelum tarikh itu.

- 4.5 "Pengiraan cukai" bermaksud segala helaiian kerja, kenyataan, jadual, perhitungan dan dokumen sokongan berasaskan mana sesuatu penyata cukai pendapatan dibuat, yang perlu dikemukakan bersama-sama dengan penyata itu atau diselenggarakan oleh orang yang membuat penyata itu.
- 4.6 Di mana seseorang melakukan perbelanjaan modal di bawah perjanjian sewa beli dalam memperuntukkan loji atau jentera bagi tujuan perniagaannya, maksud perbelanjaan yang layak [PL] yang dilakukan olehnya dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran ialah jumlah bahagian dari setiap bayaran ansuran yang merupakan bayaran modal dan sebarang bayaran cengkeram yang dibuat olehnya menurut perjanjian dalam tempoh itu.

(Tarikh Pengeluaran: 18/01/2001)